

Ahmad Badawi tinggalkan 9 amanat berjihad

Oleh Faizal Fadzil

JIHAD adalah satu perjuangan untuk membela agama Allah dengan hanya mengharapkan keredaan daripada Allah semata-mata. Umat Islam yang berjuang dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan, pemuliharaan alam sekitar dan pelbagai bidang lain tanpa mengharapkan balasan di dunia, adalah satu jihad di jalan Allah.

Malah, mereka yang pergi mengembara jauh meninggalkan negara untuk beribadat seperti menunaikan haji pada saat ini adalah satu jihad yang besar di sisi Allah. Anak muda kita yang belajar menuntut ilmu dengan niat demi mencari keredaan Allah dan berhasrat untuk kembali membela nasib agama, bangsa dan tanah air juga adalah satu jihad di sisi Allah SWT.

Di Malaysia, antara jihad yang dirasakan paling wajar ditanam dalam setiap umat Islam khususnya di kalangan generasi muda adalah jihad membangun ummah.

Pemimpin muda Melayu wajar menjadikan jihad sebagai satu senjata paling ampuh untuk membela agama, bangsa

INFO

Sembilan mutiara kata

- Berjuang dengan ikhlas dan kerana Allah
- Setiap pejuang mesti berani, berdisiplin, mematuhi pemimpin dan jangan menikam kawan dari belakang.
- Jangan menggunakan landasan perjuangan dan parti politik untuk mencari wang dan kekayaan.
- Jangan guna wang untuk mendapat tempat dalam parti politik
- Dalam apa keadaan sekalipun, setiap perjuangan jangan meninggalkan sembahyang fardu.
- Kalau menjadi pemimpin, mestilah ada sifat Siddiq, Amanah, Tabligh dan Fatanah.
- Kalau ada perselisihan dalam harakah (parti atau organisasi), hendaklah berusaha mencari jalan damai.
- Tiap-tiap pemimpin jangan sombong dan jangan menghina rakyat.
- Jangan menukarkan politik dengan ekonomi akibatnya kita menjadi hamba orang dan negara tergadai.

BH 15/11/2007
dan tanah air. Tanpa berjihad dalam erti kata sebenar, pemimpin muda baik dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan apa juga bidang tidak akan mampu menggalas tugas mereka.

Malah, rakyat dan pengikut mereka juga tidak akan menghayati keikhlasan perjuangan yang mereka lakukan untuk membela nasib bangsa. Pemimpin muda negara mesti menghayati sejarah perjuangan pemimpin bangsa Melayu yang sentiasa menyemat semangat jihad di dalam arus perjuangan mereka.

Antara pemimpin bangsa Melayu menyerlahkan semangat jihad mereka ialah bekas Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Badawi Sheikh Abdullah Fahim. Bapa kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, adalah tokoh pemimpin muda yang sering berjihad membangun ummah tanpa mengharap balasan duniawi.

Antara contoh paling jelas ialah pengorbanan beliau yang sanggup bekerja tanpa mengambil wang rakyat walaupun wang itu adalah setimpal dengan kerja dilakukannya. Beliau tidak pernah me-

ngambil elaun perjalanan, elaun mesyuarat dan beberapa elaun yang layak diterimanya sejak beliau menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis Mesyuarat Negeri di Pulau Pinang pada 1960-an dulu. Perkara ini disahkan oleh Bahagian Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Malah, sebelum itu lagi apabila beliau menjadi pengetua sekolah agama yang bernama "Daeratul Maarif al-Wataniyah" di Kepala Batas, Pulau Pinang, beliau enggan menerima gaji sebagaimana pengetua lain.

Sebaliknya, beliau hanya mahu menerima elaun RM50 sebulan. Untuk sara hidup diri dan keluarganya, beliau menggunakan wang bapanya.

Sebagai pemimpin muda yang menjadikan jihad sebagai asas kehidupannya, Ahmad Badawi amat tegas membanteras rasuah. Antara ungkapannya yang popular yang diucapkan kepada ahli Umno ketika itu di Ipoh ialah: "Islam melarang perbuatan rasuah di kalangan pemerintah dan rakyat, kerana perbuatan rasuah itu sama jahatnya dengan merompak dan menyamun," katanya.

Dalam satu ucapannya bagi merangsang semangat jihad membangun ummah di kalangan pemimpin Umno beliau berkata, jika agama dan amalan Islam tidak dilaksanakan oleh orang Melayu selepas merdeka, maka kemerdekaan itu tidak akan memberi faedah kepada orang Melayu.

"Kalau orang Melayu mengetepikan Islam selepas merdeka, maka mereka yang berjuang politik tidak akan ke mana, hanya menjadi alat bagi kepentingan orang lain."

Buku bertajuk *Insan Pejuang Bangsa Melayu Abad Ke-20*, merakamkan ucapan Ahmad Badawi ketika bertemu pemimpin Umno di Kuala Kangsar, Perak pada tahun 1955 yang mempamerkan semangat jihad dalam diri beliau.

Ahmad Badawi meninggalkan sembilan amanat yang amat bererti dan wajar dijadikan sebagai azimat bagi perjuangan pemimpin muda Melayu dan Islam pada hari ini.

Semangat jihad untuk membela agama, bangsa dan tanah air serta membangun ummah tidak akan dapat dilaksanakan jika kita hanya sekadar melaukan di jalan raya atau dewan perhimpunan.

Semangat jihad juga tidak akan meresapi jiwa perjuangan umat Islam dengan hanya membangkitkan semangat bencikan pemimpin atas tanggapan sendiri bahawa mereka melakukan kesilapan besar terhadap agama, bangsa dan tanah air.

Namun, semangat jihad yang ditanam perlu mencontohi pendekatan Nabi Muhammad SAW iaitu menerusi pendekatan secara siddiq (berkata dan membuat perkara benar), amanah dalam melaksanakan tanggungjawab, tabligh (menyampaikan nasihat dengan penuh hikmah) serta fatanah iaitu kebijaksanaan dalam melaksanakan peranan mereka sebagai pemimpin masa depan.